



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

KEJELASAN DAN KEPASTIAN POLISI KERAJAAN DALAM MENKALIBRASI SEMULA EKONOMI NEGARA KE ARAH PERTUMBUHAN BERKUALITI TINGGI YANG DIIRINGI OLEH KADAR INFLASI RENDAH TELAH MEMPERCEPATKAN PENGEMBANGAN KDNK MALAYSIA



**KDNK MALAYSIA
BERKEMBANG PADA KADAR
LEBIH TINGGI 4.7% TAHUN-KE-TAHUN
DALAM SUKU KEEMPAT '18
BERDASARKAN KEJELASAN DAN
KEPASTIAN POLISI YANG DIBERIKAN
KERAJAAN PAKATAN HARAPAN**

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia berkembang baik pada kadar yang lebih tinggi iaitu pada kadar 4.7% tahun-ke-tahun (y-o-y) dalam suku keempat 2018, berbanding pertumbuhan suku ketiga iaitu 4.4% y-o-y. Peningkatan ini dicapai meskipun terdapat cabaran luaran dalam bentuk perang dagang yang berterusan antara Republik Rakyat China dan Amerika Syarikat.

Dengan ini, kadar pertumbuhan KDNK Malaysia untuk tahun 2018 adalah 4.7%. Peningkatan ini adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar pertumbuhan ekonomi-ekonomi bertaraf A-/A3 yang mempunyai saiz penduduk sederhana-ke-besar seperti Sepanyol, Arab Saudi, dan Mexico, dan tidak jauh di belakang berbanding Poland seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Pertumbuhan sihat berbanding dengan negara-negara yang sama taraf dan saiz ini merupakan suatu kelebihan yang dapat membantu Malaysia kekalkan penarafan kreditnya pada taraf yang tinggi.

Jadual 1: Kadar Pertumbuhan KDNK pada 2018 untuk Ekonomi Bertaraf A-/A3 Bersaiz Sederhana dan Besar

Negara	Pertumbuhan KDNK 2018
Poland	5.1%

Malaysia	4.7%
Sepanyol	2.5%
Arab Saudi	2.2%
Mexico	2.0%

Kejelasan dan kepastian polisi menyumbang kepada pertumbuhan yang kukuh

Kejelasan dan kepastian polisi Kerajaan dalam mengkalibrasi semula ekonomi negara ke arah pertumbuhan berkualiti tinggi memainkan peranan dalam mempercepatkan perkembangan KDNK kita. Dari segi suku-ke-suku, pelaburan awam telah meningkat sebanyak 44.0% dalam suku keempat. Perkembangan positif ini dijangka berlanjutan dalam tahun 2019.

Selain itu, peranan Malaysia sebagai tempat berlindung neutral untuk perdagangan antarabangsa telah membolehkan eksport berkembang 1.3% y-o-y dalam suku keempat setelah jatuh 0.8% y-o-y dalam suku ketiga. Hasil daripada itu, Malaysia mencatatkan lebih akaun semasa sebanyak 2.3% daripada KDNK untuk tahun 2018. Untuk sepanjang tahun lalu pada harga semasa, eksport barangan kita telah meningkat 6.7% kepada hampir RM1 Trilion manakala imbalan dagangan meningkat 22.1% (peningkatan sebanyak RM22 Bilion) kepada RM120 Bilion, iaitu paras tertinggi dalam sejarah Malaysia.

Kadar inflasi rendah menggalakkan perbelanjaan swasta

Inflasi tahun 2018 yang berpurata 1.0% y-o-y merupakan kadar terendah yang dicatatkan dalam tempoh 9 tahun. Dalam 4 bulan yang pertama di bawah pentadbiran yang terdahulu, purata kadar inflasi ialah 1.7% y-o-y. Ini berbeza dengan 8 bulan pertama pentadbiran Pakatan Harapan, apabila ia menurun secara signifikan kepada 0.6% y-o-y. Ini menampilkan kesan positif polisi Pakatan Harapan pada harga pengguna.

Data Indeks Harga Pengguna (CPI) juga secara jelas menunjukkan bahawa pengkadaran sifar Cukai Perkhidmatan dan Barangan (GST) bermula Jun 2018 hingga Ogos 2018 telah membawa penurunan yang ketara kepada harga pengguna. Tambahan lagi, pengenalan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada September 2018 tidak membawa kepada peningkatan inflasi secara mendadak dalam bulan-bulan yang berikutan. Sebagai contoh, kadar inflasi berpurata hanya 0.3% y-o-y dalam 4 bulan pertama setelah pengenalan SST, berbanding purata inflasi yang lebih tinggi pada 2.4% dalam 4 bulan pertama setelah GST diperkenalkan pada 2015.

Ini mengesahkan lagi kenyataan-kenyataan saya sebelum ini bahawa pengenalan semula SST tidak akan memberikan impak pada peningkatan harga sebesar impak pengenalan GST, dan merupakan bukti kukuh yang meniadakan momokan pihak Pembangkang bahawa SST akan meningkatkan kadar inflasi dengan teruk.

Komitmen untuk mengurus kos sara hidup

Walaupun Kerajaan telah berjaya merendahkan kadar inflasi, kami sedar dan mengambil berat tentang kos sara hidup yang tinggi seperti yang dialami sebahagian besar rakyat, terutamanya golongan B40. Kementerian Kewangan (MOF), serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menubuhkan jawatankuasa kementerian bersama untuk meneliti langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengawal kos sara hidup di Malaysia.

Adalah sangat penting untuk Kerajaan segera memastikan kadar inflasi yang terendah dalam 9 tahun sebanyak 1.0% yang dicapai pada tahun 2018 dapat dicerminkan dalam harga barangan harian dan dinikmati rakyat, terutamanya bagi golongan B40. Jawatankuasa ini akan bekerja seiringan dengan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Nasional yang dipengerusikan YAB Timbalan Perdana Menteri untuk memastikan kos sara hidup untuk semua rakyat Malaysia kekal berpatutan dan sesuai mengikut kemampuan.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
16 Februari 2019

